



PMF 039/1/10/16/JILID 2 (133)

01 Februari 2016

Kepada yang berkenaan,

JEMPUTAN KE TAKLIMAT PROGRAM INOVASI INDUSTRI SIRIM DAN “SME TECHNOLOGY TRANSFORMATION FUND” (STTF)

SIRIM Berhad telah diberi mandat oleh kerajaan untuk membantu IKS di Malaysia untuk meningkatkan kemampuan teknologi dan inovasi bagi penghasilan produktiviti yang tinggi serta mampu berdaya saing dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Untuk tujuan ini, SIRIM telah bekerjasama dengan Fraunhofer Institute, sebuah organisasi teknologi dan R&D terkemuka di Jerman yang mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan teknologi IKS. Di bawah kolaborasi SIRIM-Fraunhofer, satu program iaitu *SME Technology Penetration and Upgrading programme* telah diperkenalkan kepada IKS mulai tahun 2015. Antara inisiatif dalam program ini ialah Audit Teknologi (Technology Audit).

Tujuan Audit Teknologi ialah untuk menilai syarikat IKS dari segi pengurusan teknologi, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta potensi untuk dimajukan. Output dari audit ini dapat membantu syarikat untuk menyediakan satu pelan tindakan yang berkesan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan teknologi yang akhirnya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing. Kos audit ini akan ditanggung oleh kerajaan dan penyertaan dari syarikat IKS adalah secara sukarela dan dipilih berdasarkan *first come first served basis*.

Sehubungan dengan itu, dalam pembentangan Bajet 2016 sebanyak RM 200 juta disediakan bagi dana Transformasi Teknologi IKS (STTF) yang dikendalikan oleh SME Bank. Dana yang merupakan *soft loan* dibuka kepada semua syarikat berstatus IKS yang terlibat dalam pengeluaran (manufacturing) dan sudah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun, serta menyertai Audit Teknologi.

Untuk mendapat maklumat lanjut tentang program Teknology Audit, STTF serta aktiviti-aktiviti SIRIM dan SME Bank, kami menjemput tuan/puan dari pengurusan syarikat untuk hadir ke taklimat yang akan diadakan mengikut butiran dibawah:

Date : 09 Mac 2016 (Rabu)
Time : 9.30 pg – 12.30 tghari
Venue : SIRIM Johor

No. 3, Jalan Teknologi 5

Taman Teknologi Johor

81400 Senai

Johor

Sila isi dan hantarkan slip pengesahan kehadiran selewat-lewatnya pada 03 Mac 2016 menerusi fax **07-5998366** atau email kepada sumiyati@sirim.my.

Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan Technology Audit atau STTF, sila hubungi, Ir. Susana Kamaruddin di 03-55445091 / 013-3945856, email susana@sirim.my atau Pn. Ani Haryati di 03-55445828 / 019-3474802, email haryati@sirim.my.

Terima kasih atas perhatian dan kerjasama tuan/puan.

Yang ikhlas,



Dr. Wan Abdul Rahman Jauhari b. Wan Harun
Pengarah Kanan
Plant & Machinery Flagship
SIRIM Berhad

TAKLIMAT PROGRAM INOVASI INDUSTRI SIRIM DAN STTF

SLIP PENGESAHAN KEHADIRAN

Sila fax ke **07-5998366** atau e-mail slip jawapan ini ke sumiyati@sirim.my sebelum atau pada 03 Mac 2016

Maklumat program:

Tarikh: **09 Mac 2016 (Rabu)**
Masa: **9.30 pg – 12.30 tghari**
Tempat: **SIRIM Johor**
 No. 3, Jalan Teknologi 5
 Taman Teknologi Johor
 81400 Senai
 Johor

Nama Syarikat: _____

Nama Peserta: _____

No. Telefon: _____

Ya, saya akan hadir

Tidak, saya tidak dapat hadir, berikut adalah wakil dari syarikat kami:

Nama Telefon	Jawatan	No.
1. _____	_____	_____
2. _____	_____	_____